



**SKIM
PERKHIDMATAN
KESIHATAN
PELAJAR**

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
www.ump.edu.my

**SKIM PERKHIDMATAN PELAJAR
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

TUJUAN

Skim Kesihatan ini merupakan satu kemudahan perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh pihak universiti kepada pemegang skim . Pemegang skim ialah pelajar yang layak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Kemudahan ini diberikan kepada pelajar UMP bertujuan untuk memastikan kebajikan pelajar dari segi kesihatan dapat dioptimumkan demi menyokong pembelajaran pelajar selama berada di UMP. Ia juga bagi memastikan taraf kesihatan pelajar dapat dipantau secara menyeluruh oleh Pusat Kesihatan Universiti.

Skim ini meliputi pelbagai aspek kesihatan pelajar seperti rawatan pesakit luar, rawatan kecemasan, rawatan pergigian, rujukan ke hospital kerajaan, perkhidmatan ambulans dan tuntutan bayaran yang tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

BAHAGIAN A

TAFSIRAN

Dalam skim ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain :

1. **Skim Perkhidmatan Kesihatan Pelajar UMP** Kemudahan kesihatan dan pergigian untuk pelajar UMP yang Ditanggung oleh universiti selepas pelajar menyertai skim ini
2. **Universiti** Universiti Malaysia Pahang
3. **Naib Canselor** Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang
4. **Wakil Naib Canselor** Pengarah Pusat Kesihatan Universiti UMP
5. **Pelajar** Individu yang berdaftar sebagai pelajar UMP.
6. **Keluarga pelajar** Bagi pelajar lelaki, isteri dan anak-anaknya; dan bagi pelajar perempuan suami dan anak-anaknya.
7. **Pusat Kesihatan Universiti** Pusat yang menyediakan perkhidmatan kesihatan dan rawatan kepada warga universiti secara amnya.
8. **Hospital / Klinik Kesihatan Kerajaan** Hospital dan klinik-klinik kerajaan, hospital universiti dan hospital angkatan tentera di Malaysia.
9. **Hospital Swasta hospital** Semua hospital dan klinik swasta termasuk “ private wing “ di Kerajaan dan hospital universiti.
10. **Pegawai Perubatan Universiti** Pegawai Perubatan yang bertauliah dan berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia yang dilantik untuk berkhidmat dengan UMP.
11. **Pegawai Perubatan Malaysia** Pegawai Perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Kerajaan dan berkhidmat dengan Hospital Universiti atau Kementerian Kesihatan Malaysia.

12. **Pegawai Perubatan Swasta** Pegawai Perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia dan berkhidmat dengan agensi swasta.
13. **Kes Kecemasan** Sebarang kes yang serius yang boleh mengancam nyawa sekiranya tidak dirawat dengan segera (sila rujuk **LAMPIRAN 1 (SENARAI KES - KES YANG DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI KECEMASAN)**).
14. **Staf** Staf universiti yang dilantik dalam perkhidmatan universiti samada bertaraf tetap, sementara, kontrak atau pinjaman.
15. **Tahun Akademik** Tahun akademik universiti yang dibahagikan kepada setiap semester

BAHAGIAN B

KELAYAKAN

1.0 KELAYAKAN

1.1 LAYAK

- 1.1.1 Pelajar yang telah menjelaskan yuran perkhidmatan kesihatan bagi sesuatu semester.
- 1.1.2 Pelajar yang menangguhkan pengajian atas sebab masalah kesihatan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Universiti.
- 1.1.3 Kadar bayaran yang telah ditetapkan oleh universiti tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

1.2 TIDAK LAYAK

- 1.2.1 Pelajar yang menangguhkan pengajian BUKAN atas sebab-sebab kesihatan
- 1.2.2 Pelajar yang telah tamat pengajian
- 1.2.3 Pelajar yang menarik diri dari pengajian
- 1.2.4 Pelajar yang digantung pengajian oleh universiti
- 1.2.5 Pelajar yang telah didapati menghidapi penyakit kronik sebelum didaftarkan sebagai pelajar berdaftar seperti di **LAMPIRAN 2 (PENYAKIT KRONIK)**.

BAHAGIAN C

KEMUDAHAN PERUBATAN DI HOSPITAL KERAJAAN

2.0 TEMPAT RAWATAN

Pelajar yang layak boleh mendapatkan rawatan di :

- 2.1 Hospital / Klinik Kesihatan Kerajaan
- 2.2 Hospital Universiti melainkan IIUM
- 2.3 Hospital Angkatan Tentera Malaysia
- 2.4 Pusat Kesihatan Universiti Awam

3.0 RAWATAN YANG DITANGGUNG

Universiti akan menanggung kos perbelanjaan kemudahan rawatan pelajar hanya di **BAHAGIAN D PERKARA 2.0 (RAWATAN YANG DITANGGUNG)** yang dirujuk oleh Pegawai Perubatan Universiti atau pegawai perubatan pilihannya sendiri, sepanjang tempoh pengajian di UMP.

4.0 KEMUDAHAN RAWATAN PAKAR

Kemudahan ini akan hanya dirujuk oleh Pegawai Perubatan Universiti atau Pegawai Perubatan Kerajaan kepada pakar-pakar perubatan di hospital kerajaan atau hospital Universiti.

5.0 KOS RAWATAN YANG DITANGGUNG OLEH UNIVERSITI

- 5.1 Had maksimum pembiayaan rawatan ditanggung oleh universiti adalah terhad kepada **RM5,000.00 setahun.**
- 5.2 Jika bayaran melebihi had tersebut, kelulusan adalah tertakluk kepada budi bicara Naib Canselor.

6.0 MENDAHULUKAN PEMBAYARAN

- 6.1 Pembayaran kos rawatan di hospital yang terpaksa didahulukan oleh pelajar boleh dituntut dari universiti dengan mengemukakan resit-resit asal kepada pejabat pentadbiran Pusat Kesihatan Universiti bagi tujuan pengesahan tuntutan pembayaran

balik.

- 6.2 Jika pembayaran kos rawatan pelajar di hospital terpaksa didahulukan oleh staf / felo UMP (tidak terhad kepada JHEPA), beliau boleh menuntut pembayaran dengan mengemukakan resit-resit asal kepada pejabat pentadbiran Pusat Kesihatan Universiti bagi tujuan pengesahan dan pembayaran balik.

7.0 KELAYAKAN WAD

- 7.1 Bagi kes yang perlu dirujuk ke hospital kerajaan atau hospital universiti , pelajar berkelayakan tinggal di wad **kelas dua** atau **yang lebih rendah**.
- 7.2 Universiti tidak akan menanggung apa-apa bayaran bagi kelas yang lebih tinggi dari kelas dua.

8.0 SURAT JAMINAN

- 8.1 Pelajar atau warisnya boleh mendapatkan surat jaminan “ Guarantee Letter “ tanggungan bayaran hospital oleh universiti dari sistem E-Community pelajar.
- 8.2 Sahlaku surat jaminan adalah **tiga bulan dari tarikh ianya dikeluarkan**.
- 8.3 Surat jaminan ini hanya boleh digunakan untuk **satu kali rawatan / kemasukan wad** sahaja.
- 8.4 Pelajar yang tidak mengemukakan surat jaminan perubatan semasa dimasukkan ke hospital kerajaan atau hospital universiti, perlu mendahulukan bayaran rawatan dan menuntut semula dengan mengemukakan resit asal kepada Pusat Kesihatan Universiti. Walaubagaimanapun perkara ini adalah bagi rawatan yang layak sahaja.

BAHAGIAN D

KEMUDAHAN RAWATAN DAN PERUBATAN DI PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI

1.0 PEMERIKSAAN KESIHATAN UNTUK PELAJAR DI UMP

- 1.1 **Pemeriksaan Kesihatan Pelajar** - Seseorang calon yang berjaya mendapat tempat untuk menuntut di universiti ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menjalani pemeriksaan kesihatan dan disahkan status kesihatannya.

- 1.2 Pemeriksaan Kesihatan Pelajar hendaklah dilakukan di Pusat Kesihatan Universiti Malaysia Pahang dan disahkan oleh Pegawai Perubatan Universiti ini.
- 1.3 Bayaran untuk Pemeriksaan Kesihatan adalah tidak termasuk di dalam Skim ini. Kadar bayaran adalah tertakluk kepada kadar semasa yang telah ditetapkan oleh Universiti.
- 1.4 Pelajar yang didapati gagal melakukan pemeriksaan kesihatan dalam tempoh sebulan selepas mendaftar di UMP, pelajar tersebut tidak layak menduduki pemeriksaan akhir semester.
- 1.5 Kos bayaran untuk pemeriksaan imbasan dada (*chest x ray*) bagi pelajar antarabangsa dan pascasiswazah adalah perlu ditanggung sendiri oleh pelajar tersebut.
- 1.6 Sekiranya pelajar antarabangsa disyaki menghidapi penyakit berjangkit, penyakit kronik atau sebarang penyakit yang serius, pelajar akan dirujuk kepada pegawai perubatan pakar untuk siasatan dan pengesahan lanjut. Segala kos perubatan untuk tujuan ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh pelajar tersebut.
- 1.7 Pihak universiti juga berhak untuk membatalkan pendaftaran pelajar tersebut, sekiranya beliau disahkan menghidap penyakit-penyakit berjangkit atau kronik seperti di **Lampiran 2 (Penyakit Kronik)**.

2.0 RAWATAN YANG DITANGGUNG

2.1 Rawatan Pesakit Luar

Semua pelajar adalah layak untuk mendapatkan rawatan dari Pusat Kesihatan Universiti mengikut jadual perkhidmatan yang ditetapkan iaitu :

Hari Isnin hingga Khamis : 8.00 pagi hingga 4.45 petang
(Rehat 1.00 petang hingga 2.00 petang)

Hari Jumaat : 8.00 pagi hingga 4.45 petang
(Rehat 12.15 hingga 2.45 petang)

Hari Sabtu dan Ahad dan pelepasan am : **TUTUP**

2.2 Rawatan Kes Kecemasan

2.2.1 Kemudahan rawatan kecemasan juga disediakan dalam kampus pada waktu operasi klinik. Sila rujuk di **LAMPIRAN 1 : SENARAI KES-KES YANG DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI KECEMASAN**

2.2.2 Bagi kes-kes kecemasan yang berlaku di luar waktu pejabat, pihak PKU akan bertanggungjawab sekiranya :

- i) Kes yang melibatkan pelajar yang mengingap di dalam kampus
- ii) Kes yang melibatkan aktiviti sukan/kelab/persatuan yang dijalankan di dalam kampus sahaja
- iii) Kes kemalangan yang berlaku di dalam kampus

2.3 Kemudahan Makmal Perubatan

2.3.1 Ujian makmal perubatan hanya dijalankan atas nasihat atau cadangan Pegawai Perubatan Universiti.

2.3.2 Kemudahan ini ditanggung oleh pihak universiti **KECUALI** ujian makmal yang dijalankan untuk tujuan saringan dan pemeriksaan kesihatan kerana ia tidak termasuk dalam skim ini.

2.4 Kemudahan Bilik Pengasingan (Kuarantin)

2.4.1 Penyakit Berjangkit

Semua pesakit yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Universiti yang mengidap penyakit berjangkit adalah **DIWAJIBKAN** tinggal di bilik pengasingan kecuali dengan kebenaran Pegawai Perubatan Universiti.

2.4.2 Pesakit Yang Perlu Pemerhatian

Pegawai Perubatan Universiti boleh mencadangkan rawatan di bilik pemerhatian bagi pesakit berisiko tinggi dan memerlukan pemerhatian dan rawatan yang lebih rapi.

2.4.3 Penyediaan Bilik Pengasingan

Kemudahan bilik pengasingan perlu disediakan oleh pihak kolej kediaman Yang dilengkapi dengan fasiliti yang lengkap.

2.5 Kemudahan Ambulans

2.5.1 Kenderaan Kecemasan

Universiti menyediakan kemudahan pengangkutan untuk semua kes kecemasan selama 24 jam sehari **tertakluk kepada keberadaan ambulans**

seperti yang dinyatakan di **BAHAGIAN D PERKARA 2.2 (RAWATAN KES KECEMASAN)**. Sekiranya ambulans sedang digunakan dalam kes kecemasan, pihak berkenaan perlu menghubungi 999 untuk bantuan kecemasan yang berikutnya.

2.5.2 Perbelanjaan Pengangkutan

Pihak universiti tidak akan menanggung sebarang perbelanjaan pengangkutan dengan kenderaan lain selain kenderaan universiti , samada dengan sengaja atau secara terpaksa.

2.5.3 Keperluan Ambulans

Penggunaan ambulans Pusat Kesihatan Universiti adalah tertakluk kepada garis panduan rawatan kecemasan dan penggunaan ambulans PKU UMP. Sekiranya terdapat kes-kes di luar skop garis panduan tersebut kelulusan adalah tertakluk kepada Pengarah Pusat Kesihatan Universiti.

2.6 Kemudahan Bilik Pemerhatian

2.6.1 Bilik Pemerhatian Pusat Kesihatan Universiti hanya beroperasi pada waktu pejabat sahaja.

2.6.2 Pelajar yang memerlukan pemerhatian di luar waktu pejabat akan dirujuk ke hospital.

2.7 Rawatan Pergigian/Rawatan Susulan Pesakit Luar

Pelajar yang ingin mendapatkan rawatan pesakit luar akan dihantar ke Klinik/Hospital Kerajaan yang berdekatan dengan menggunakan kenderaan universiti tertakluk kepada kekangan kenderaan dan staf.

2.8 Rawatan Fisioterapi

Rawatan fisioterapi ini boleh didapati di Pusat Kesihatan Universiti yang dikendalikan oleh staf yang berkelayakan.

2.9 Sijil Cuti Sakit

- 2.9.1 Sijil cuti sakit boleh didapati dari Pusat Kesihatan Universiti, Klinik Kesihatan Kerajaan, Hospital Kerajaan serta Hospital Universiti. Sijil cuti sakit dari Pusat Kesihatan Universiti akan dikeluarkan oleh Pegawai Perubatan dan Penolong Pegawai Perubatan yang diberi kuasa untuk pelajar yang layak.
- 2.9.2 Sijil cuti sakit yang dikeluarkan oleh klinik swasta tidak boleh disahkan oleh Pegawai Perubatan Universiti.
- 2.9.3 Semasa peperiksaan, peraturan sijil cuti sakit pelajar tertakluk kepada Peraturan Akademik.

2.10 Surat Pengesahan Rawatan (Time Slip)

- 2.10.1 Surat Pengesahan Rawatan (Time slip) akan dikeluarkan jika didapati pelajar tidak layak menerima sijil cuti sakit untuk keadaan tersebut dan atas budibicara Pegawai Perubatan Dan Pegawai Pergigian.
- 2.10.2 Surat Pengesahan Rawatan (Time slip) digunakan sebagai pengesahan waktu kehadiran pelajar di klinik.

3.0 RAWATAN YANG TIDAK DITANGGUNG OLEH UNIVERSITI

- 3.1 Segala bayaran rawatan yang telah ditanggung oleh **Skim Insurans Kelompok Pelajar**.
(Sila rujuk portal : <http://saffad.ump.edu.my>)
- 3.2 Rawatan untuk keluarga pelajar.
- 3.3 Rawatan penyakit kronik yang sedia ada sebelum mendaftarkan diri sebagai pelajar seperti penyakit jantung, buah pinggang, kencing manis dan lain-lain seperti lampiran 1.
- 3.4 Rawatan ubat-ubatan dan peralatan untuk pencegahan kehamilan, kemandulan dan kesuburan.
- 3.5 Alat-alatan dan barang-barang gantian perubatan untuk tujuan kosmetik.
- 3.6 Rawatan perubatan dan pembedahan dengan tujuan kosmetik dan ritual, melainkan dalam keadaan di mana Pegawai Perubatan Universiti berpendapat rawatan itu diperlukan untuk mengurangkan risiko kepada pesakit.
- 3.7 Rawatan dan pemeriksaan berkaitan dengan mengandung dan bersalin samada dalam keadaan normal atau pun tidak normal.
- 3.8 Rawatan imunisasi samada untuk tujuan pelalian biasa ataupun untuk keadaan wajib seperti imunisasi sebelum pergi ke luar negara, imunisasi semasa wabak dan sebagainya,

kecuali suntikan ATT yang diberi secara percuma dan yang dikenalpasti layak oleh pihak universiti.

- 3.9 Rawatan pemindahan organ seperti pemindahan jantung, buah pinggang, mata dan Lain-lain.
- 3.10 Perbelanjaan rawatan perubatan alternatif.(akupunktur,bekam dan lain-lain)
- 3.11 Perbelanjaan rawatan di hospital swasta.
- 3.12 Perbelanjaan rawatan di luar negara.
- 3.13 Ubat-ubatan yang dibeli daripada farmasi.
- 3.14 Rawatan ortodontik di hospital kerajaan / klinik swasta.
- 3.15 Suplemen kesihatan
- 3.16 Rawatan pemulihan dadah.
- 3.17 Rawatan ke atas kecederaan tubuh yang disengajakan (self inflicted injury) atau akibat penglibatan secara langsung di dalam demonstrasi, rusuhan dan tunjuk perasaan.

BAHAGIAN E

PELBAGAI

1.0 INSURANS PERUBATAN

- 1.1 Pelajar antarabangsa **DIWAJIBKAN** mengambil insurans perubatan untuk perlindungan perubatan di hospital kerajaan dan swasta selain daripada rawatan perubatan yang diterima di Pusat Kesihatan Universiti. (Sila rujuk laman portal : <http://io.ump.edu.my>)

2.0 KUASA UNIVERSITI

- 2.1 Naib Canselor adalah **BERKUASA** untuk membuat keputusan bagi keadaan yang tidak disebut atau memberi pengecualian kepada pelajar bagi mana-mana peruntukan dalam skim ini.
- 2.2 Sebarang kekeliruan yang timbul dari masa ke semasa mengenai tafsiran mana-mana peruntukan dalam skim ini adalah tertakluk kepada Pusat Kesihatan Universiti.
- 2.3 Pihak Pengurusan Universiti berhak meminda, mengubah, membatalkan atau menambahkan mana-mana atau keseluruhan skim pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya.

LAMPIRAN 1

SENARAI KES-KES YANG DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI KECEMASAN

1. Pingsan/tidak sedarkan diri disebabkan terjatuh, pendarahan.
2. Asthma yang teruk.
3. Kecederaan lain yang menyebabkan luka yang besar dan pendarahan yang teruk seperti luka terkena benda tajam.
4. Sakit perut yang serius.
5. Cirit-birit atau muntah yang menyebabkan pelajar tidak bermaya dan dehidrasi (kurang cecair dalam badan).
6. Sakit jantung.
7. Kekejangan yang teruk.
8. Sawan.
9. Tidak bermaya atau hilang kesedaran yang tidak dapat dipulihkan dengan panggilan.
10. Mengalami sesak nafas atau tercekik.
11. Terkehel atau patah tulang.
12. Luka dalam dan pendarahan yang banyak.
13. Kecederaan kepala yang mengakibatkan tidak bermaya, muntah-muntah, pendarahan (telinga, hidung atau mulut) atau tingkahlaku diluar kebiasaan.
14. Kecederaan dada, perut, pinggang atau tulang belakang atau tulang leher.
15. Jatuh dari tempat tinggi.
16. Keracunan seperti terhidu gas beracun atau pengambilan dadah berlebihan yang mengakibatkan kehilangan kesedaran dan pernafasan terganggu.
17. Alahan yang teruk.
18. Lemas.
19. Terbakar dan melecur.
20. Bersalin.

LAMPIRAN 2

PENYAKIT KRONIK :

laitu Penyakit yang sudah berlarutan melebihi 3 bulan dan secara amnya tidak boleh di atasi dengan imunisasi ataupun tidak sembuh dengan ubat-ubatan, dan penyakit tersebut akan kekal.

Berikut adalah antara jenis-jenis penyakit kronik:

- 1) Kencing manis
- 2) Penyakit jantung
- 3) Darah tinggi
- 4) Hypercholesterolaemia
- 5) Penyakit buah pinggang
- 6) Kanser
- 7) Schizophrenia
- 8) Epilepsi
- 9) Radang sendi
- 10) Strok
- 11) Chronic Obstructive Pulmonary Disease (Smoking related)
- 12) Viral diseases (HIV/AIDS, Hepatitis B,C)
- 13) Penyakit-penyakit lain yang telah disahkan oleh Pegawai Perubatan Universiti sebagai penyakit kronik.